

12/07/2001

Program amal kumpul derma untuk tiga badan kebajikan

KUALA LUMPUR, Rabu - Program Penghargaan Masyarakat dilancarkan hari ini bagi mengumpul derma untuk tiga badan kebajikan, iaitu Yayasan Aids Malaysia, Yayasan Kebajikan Kanak-kanak Kebangsaan (NCWF) dan Persatuan Angin Ahmar Malaysia (Nasam).

Menerusi program itu, yang dianjurkan dengan kerjasama Astro, orang ramai boleh menderma dengan membeli buku hadiah mengandungi pelbagai potongan harga bagi barangan tertentu serta berpeluang menyertai pertandingan.

Pengarah Program Penghargaan Masyarakat, Tan Sri Dr Nordin Sopiiee berkata dengan setiap pembelian buku berharga RM10 itu, badan kebajikan berkenaan akan menerima antara RM3 hingga RM7.

"Program ini dapat merapatkan hubungan antara penderma dengan NGO terbabit," katanya pada sidang akhbar di sini, hari ini. Turut hadir, Presiden Majlis Aids Malaysia, Datin Paduka Marina Mahathir dan Pengasas Nasam, Janet Yeoh.

Dr Nordin berkata, orang ramai boleh mendapatkan buku itu mulai hari ini sehingga September depan di beberapa tempat termasuk pejabat Majlis Aids Malaysia, Nasam, NCWF, stesen minyak BP, rangkaian kedai runcit 7 Eleven dan restoran makanan segera, Kenny Rogers di Lembah Klang.

Katanya, penderma diberi tempoh sehingga 31 Disember untuk menukar buku hadiah berkenaan di kedai yang mengambil bahagian.

Selain itu, katanya, penderma berpeluang menyertai peraduan anjuran BP, yang menawarkan hadiah minyak petrol.

Sementara itu, Marina berkata pihaknya berterima kasih dengan pengajuran program berkenaan bagi mengumpul dana untuk membantu pihaknya mengadakan pelbagai kegiatan berkaitan Aids.

"Sumbangan derma tahun ini menurun dan program seumpama ini sudah tentu dapat meringankan beban kami dalam melaksanakan kegiatan," katanya.

(END)